

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

Program pasca
siswazah pembedahan
kardioraks

Tiada
cadangan
buka kursus
kepada bukan
Bumiputera

Kuala Kubu Bharu: Tiada perbincangan dibuat mengenai cadangan untuk memperluas program pasca siswazah pembedahan kardioraks di Universiti Teknologi MARA (UiTM) kepada mahasiswa bukan Bumiputera, setakat ini.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata ada beberapa perkara asas perlu ditekankan sebelum mempertimbangkan cadangan untuk menerima pelajar bukan Bumiputera bagi program berkenaan.

Beliau yang juga Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) turut mengulangi komitmen kerajaan untuk mencari penyelesaian terbaik, selain menegaskan Kementerian Kesihatan (KKM) akan mengetuai usaha menyelesaikan isu berkenaan.

"Kita belum bincangkan perkara ini, selain tidak dimaklumkan secara rasmi mengenai cadangan berkenaan."

"Penting untuk kita selesaikan beberapa isu asas sebelum membincangkan cadangan berkenaan," katanya ditemui selepas program 'Suara Anak MADANI' di sini, malam kelmarin.

Baru-baru ini, portal media dalam talian melaporkan UiTM mempertimbangkan cadangan memperluas program pasca siswazah pembedahan kardioraks kendaliannya kepada doktor pelatih bukan Bumiputera.

Isu kesan sampingan vaksin COVID-19

KKM akan minta penjelasan daripada wakil AstraZeneca

Firma perlu bertanggungjawab beri penerangan terperinci kepada rakyat, media

Oleh **Essa Abu Yamin**
essabuyamin@bh.com.my

Hulu Selangor: Kementerian Kesihatan (KKM) akan meminta penjelasan daripada firma farmaseutikal, AstraZeneca berhubung vaksin COVID-19 yang mereka bangunkan selepas menyebabkan kesan sampingan jarang berlaku.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya akan meminta wakil daripada firma terbabit untuk membuat penjelasan dengan lebih teliti dan telus.

"Kita minta wakil AstraZeneca untuk membuat penjelasan dengan lebih teliti. Saya lebih mahu kalau ia menyebut secara telus kepada semua rakyat dan media."

"Mereka mesti bertanggungjawab seperti mana kita juga mesti bertanggungjawab. Tak ada apa yang mahu kita sembunyikan dan kita pertahankan mereka."

"Mereka firma farmaseutikal besar dan pembuat vaksin. Mereka perlu memberikan penerangan dan pencerahan bukan sahaja kepada rakyat di negara kita, tetapi secara global," katanya.

Beliau berkata demikian ketika



Dr Dzulkefly melawat Klinik Kesihatan Rasa di Kampung Orang Asli Tun Abdul Razak Batang Kali, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

sidang media selepas melakukan lawatan pemeriksaan kesihatan di Kampung Orang Asli Tun Abdul Razak, di sini, semalam.

Firma Farmaseutikal AstraZeneca sebelum ini dilaporkan mengakui dalam dokumen mahkamah bahawa vaksin COVID-19 yang mereka bangunkan boleh menyebabkan kesan sampingan jarang berlaku.

Firma berkenaan menghadapi saman atas dakwaan vaksin yang dibangunkan bersama Universiti Oxford kerana boleh menyebabkan kematian dan kecederaan serius dalam puluhan kes.

Peguam berhujah bahawa vaksin itu menghasilkan kesan

sampingan yang memberi kesan buruk kepada sebilangan kecil individu.

Usah buat rumusan sendiri

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly menggesa agar semua pihak tidak cepat membuat rumusan berkait kenyataan dibuat oleh Firma Farmaseutikal AstraZeneca itu.

Beliau turut mengingatkan bahawa penggunaan vaksin ini mempunyai manfaat dan kebaikannya.

"Kes kesan sampingan yang berlaku itu juga adalah pada kadar kebarangkalian 0.9 peratus dalam sejuta orang."

"0.9 peratus dalam satu juta. Le-

takkan perspektif itu, bandingkan dengan kebaikan dan manfaatnya," katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Dzulkefly berkata kementerian sudah meningkatkan perkhidmatan kemudahan kesihatan di Hospital Kuala Kubu Bharu di sini, dengan menempatkan beberapa doktor pakar.

Katanya, doktor berkenaan dihantar dari Hospital Selayang dan sekitarnya yang pakar dalam pelbagai bidang sama ada sebulan sekali atau dua kali, malah kementerian juga sudah meletakkan seorang pakar perubatan dalam sejak Januari lalu, manakala pakar kecemasan pada bulan ini.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : LOKAL

Minta AstraZeneca perjas isu vaksin

Hulu Selangor: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan meminta penjelasan daripada firma farmaseutikal AstraZeneca berhubung vaksin Covid-19 mereka bangunan kesan sampingan yang jarang berlaku.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya akan meminta wakil daripada firma itu untuk membuat penjelasan dengan lebih teliti dan telus kepada semua pihak di negara ini.

"Kita boleh minta wakil AstraZeneca untuk membuat penjelasan dengan lebih teliti. Saya lebih mahu kalau ia menyebut secara telus kepada semua (iaitu) rakyat dan media.

"Mereka mesti bertanggungjawab seperti mana



DR Dzulkefly

kita juga mesti bertanggungjawab. Tak ada apa yang mahu kita sembunyikan dan kita pertahankan mereka.

"Mereka firma farmaseutikal besar dan pembuat vaksin. Mereka mesti memberikan penerangan

dan pencerahan bukan sahaja kepada rakyat di negara kita, tetapi secara global," katanya pada sidang media di Kampung Orang Asli Tun Abdul Razak, Kuala Kubu Baharu, semalam.

Sebelum ini, AstraZeneca dilaporkan mengakui dalam dokumen mahkamah bahawa vaksin Covid-19 mereka boleh menyebabkan kesan sampingan yang jarang berlaku.

Gergasi farmaseutikal itu menghadapi saman atas dakwaan vaksin yang dibangunkan mereka bersama Universiti Oxford boleh menyebabkan kematian dan kecederaan serius dalam puluhan kes.

Peguam berhujah bahawa vaksin itu menghasilkan kesan sampingan yang memberi kesan buruk kepada sebilangan ke-

cil individu.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly turut menggesa semua pihak tidak cepat membuat rumusan berkait kenyataan dibuat oleh AstraZeneca itu.

Beliau turut mengingatkan bahawa penggunaan vaksin ini mempunyai manfaat dan kebaikannya.

Menurutnya, kesan sampingan yang berlaku itu juga adalah pada kadar kebarangkalian 0.9 peratus dalam sejuta orang.

"0.9 peratus dalam satu juta. Letakkan perspektif itu, bandingkan dengan kebaikan dan manfaatnya.

"Saya minta saudara fikirkan secara logik, pembuktian, saintifik, baik buruknya, pro dan kontra dan letakkan dalam perspektif," katanya.

HOSPITAL KUALA KUBU BAHARU

KKM bakal tambah pakar perubatan dan kecemasan

Hulu Selangor: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menambah pakar perubatan dan kecemasan di Hospital Kuala Kubu Baharu bagi membolehkan rawatan secara langsung dilakukan terhadap pesakit.

Menterinya Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, usaha dibuat itu adalah sebahagian daripada penambahbaikan yang dilakukan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan secara am.

"Kami sudah letakkan seorang pakar perubatan di Hospital Kuala Kubu Baharu sejak Januari lalu.

"Akan datang dalam bulan Mei ini, seorang lagi

pakar kecemasan (akan diletakkan)," katanya pada sidang media di Kampung Orang Asli Tun Abdul Razak, Kuala Kubu Baharu, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, pihaknya akan terus membuat penambahbaikan di Hospital Kuala Kubu Baharu.

"Kami sudah meningkatkan perkhidmatan dengan menghantar pakar termasuk dari Hospital Selayang sama ada sekali atau dua kali dalam sebulan.

"Di samping itu, kami ada residen tetap di sini, bukan datang mengikut sesi dan sebenarnya rakyat mahukan yang itu," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NEGARA



PENGGUNAAN vaksin AstraZeneca digunakan secara meluas untuk mengekang penyebaran wabak Covid-19. – GAMBAR HIASAN

AstraZeneca perlu jawab isu

HULU SELANGOR – Kerajaan akan meminta penjelasan lanjut daripada Firma Farmaseutikal AstraZeneca berhubung vaksin Covid-19 yang dihasilkan mereka memberi kesan sampingan kepada penerimanya.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, wakil syarikat itu bertanggungjawab untuk memberi penjelasan kepada semua pihak termasuk rakyat.

"Kita boleh minta wakil AstraZeneca untuk membuat penjelasan dengan lebih teliti dan telus kepada rakyat dan media kerana

tiada apa yang perlu disembunyikan dan kita juga tidak memper tahankan mereka.

"Mereka firma farmaseutikal besar dan pembuat vaksin. Mereka mesti memberikan penerangan dan pencerahan bukan sahaja kepada rakyat di negara kita, tetapi secara global," katanya ketika ditemui di Kampung Orang Asli Tun Abdul Razak, Kuala Kubu Baharu semalam.

Sebelum ini, AstraZeneca mengakui di mahkamah bahawa vaksin Covid-19 dihasilkan mereka boleh menyebabkan kesan sampingan seperti kematian dan

kecederaan serius.

Dr. Dzulkefly turut menggesa agar semua pihak tidak cepat membuat rumusan kerana penggunaan vaksin turut mempunyai manfaat dan kebaikannya.

"Kes yang berlaku adalah sebanyak 0.9 peratus dalam sejuta," katanya.

Dalam pada itu, Dr. Dzulkefly berkata, KKM akan menempatkan beberapa lagi pakar di Hospital Kuala Kubu Baharu bagi membolehkan rawatan secara langsung dilakukan sekali gus meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA

Strok, kelesuan haba akibat cuaca panas

KUALA TERENGGANU – Cuaca panas sejak dua bulan lalu telah meningkatkan risiko masalah kesihatan berkaitan kulit dan kehilangan air dalam badan dalam kalangan penduduk negeri ini.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, setakat ini terdapat lima kes berkaitan strok dan kelesuan haba dilaporkan sepanjang tempoh itu.

Katanya, ia melibatkan dua anggota tentera dan masing-masing satu membabitkan pekerja projek Laluan Rel Pantai Timur, murid sekolah dan warga emas.

"Dua pesakit masih menerima rawatan di hospital, manakala tiga lagi telah sembuh. Tiada kes melibatkan kematian," katanya.

Menurutnya, strok dan kelesuan haba meningkatkan suhu sehingga 40 darjah Celsius sekali gus menyebabkan kehilangan air dalam badan yang

banyak dan mengakibatkan otot kejang.

Tambahnya, mereka yang terkena strok haba perlu mendapatkan rawatan segera bagi mengelakkan komplikasi lebih teruk.

Kasemani berkata, cuaca panas turut menyebabkan impak kesihatan ringan seperti selaran matahari dan ruam kulit.

"Suhu di Besut, Setiu, Dungun dan Kemaman mencecah 37 darjah Celsius, manakala 34 darjah di Marang, Kuala Terengganu, Kuala Nerus serta Hulu Terengganu," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai supaya meminum air secukupnya selain menghadkan aktiviti luar, pakai pakaian tidak tebal, bertopi dan menggunakan payung.

Beliau berkata, berdasarkan ramalan MetMalaysia, cuaca panas disebabkan fenomeba El Nino akan mula melemah pada Julai berikutan kemunculan fenomena La Lina.



ORANG ramai perlu melindungi diri daripada cuaca panas bagi mengelakkan penyakit berkaitan kulit. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

Kuih ketayap Pasar Bukit Payong punca keracunan

KUALA TERENGGANU – Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) telah mengambil sampel kuih ketayap yang didakwa punca keracunan makanan melibatkan enam mangsa pada Ahad lalu.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Kasemani Embong berkata, pemeriksaan turut dilakukan terhadap peniaga Pasar Bukit Payong, Marang terbabit.

"Siasatan mendapati kuih ketayap tersebut dihantar untuk jualan oleh pengusaha lain ke gerai berkenaan.

"Sampel bahan asas membuat kuih ketayap tersebut juga telah diambil untuk dianalisa di makmal bagi siasatan lanjut," katanya di sini semalam.

Kosmo! 30 April lalu melaporkan tular klip video di media sosial memaparkan dakwaan seorang lelaki mendakwa isteri dan anak-anaknya mengalami keracunan makanan selepas memakan kuih ketayap.

Lelaki berkenaan mendakwa isterinya berusia 31 dan dua orang anak berumur dua dan enam tahun mengalami muntah-muntah, mulut berbuih dan cirit-birit setelah memakan kuih itu pada Ahad lalu.

Dia kemudiannya membawa isteri dan anak-anaknya ke Klinik Kesihatan Bukit Payong, Marang sebelum kesemua mangsa dirujuk ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di sini.


Kasemani berkata, lima daripada tujuh individu yang telah makan kuih ketayap berkenaan pada hari kejadian disahkan mengalami keracunan makanan.

Jelas beliau, empat daripada lima mangsa terbabit dirujuk ke HSNZ, manakala seorang yang hanya mengalami gejala ringan pula hanya menerima rawatan sebagai pesakit luar di Klinik Kesihatan Bukit Payong, Marang.

"Kesemua mangsa telah dibenarkan keluar wad secara berperingkat sehingga semalam (kelmarin). JKNT sedang menunggu keputusan ujian sampel makanan untuk tindakan lanjut.

"Saya nasihatkan peniaga memastikan kebersihan dan menjual makanan tidak lebih empat jam," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

KKM tuntutan penjelasan AstraZeneca

HULU SELANGOR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mendapatkan penjelasan daripada firma farmaseutikal AstraZeneca berhubung kesan sampingan vaksin Covid-19 seperti yang dilaporkan media antarabangsa baru-baru ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, syarikat itu harus bertanggungjawab dengan mengemukakan penjelasan yang teliti dan telus bukan sahaja kepada Malaysia malah seluruh dunia bagi mengelak berlakunya kebimbangan awam.

"Kita minta wakil AstraZeneca membuat penjelasan yang lebih teliti dan saya mahu telus kepada rakyat dan media. Mereka mesti bertanggungjawab, tiada apa yang hendak kita sembunyikan, begitu juga mereka," katanya ketika program saringan kesihatan di Kampung Orang Asli Tun Abdul Razak di sini pada Khamis.

AstraZeneca sebelum ini dilaporkan mengakui dalam dokumen mahkamah bahawa vaksin Covid-19 mereka boleh menyebabkan kesan sampingan yang jarang berlaku.

**KESAN
VAKSIN**

Gergasi farmaseutikal itu dilaporkan menghadapi saman atas dakwaan vaksin yang

dibangunkan bersama Universiti Oxford boleh menyebabkan kematian dan kecederaan serius dalam puluhan kes.

Dr Dzulkefly berkata, KKM akan terus memantau perkara tersebut selain mempunyai garis panduan klinikal untuk merawat individu yang menerima kesan vaksin.

Sementara itu, beliau berkata, seorang pakar perubatan kecemasan akan ditempatkan di Hospital Kuala Kubu Bharu (KKB) pada bulan ini sebagai tambahan kepada seorang pakar perubatan dalaman yang telah ditempatkan secara kekal sejak Januari lalu.

Beliau berkata, menerusi langkah itu, penduduk di kawasan berkenaan tidak perlu berulang alik lebih 45 kilometer ke Hospital Selayang untuk mendapatkan rawatan.

"Saya akan terus buat penambahbaikan pada hospital KKB ini dan saya mahu fahamkan ini bukan dilakukan sebab PRK (Pilihan Raya Kecil) tetapi ia sudah dirancang," katanya. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 28
RUANGAN : NEGERI

28 NEGERI

SINAR HARIAN • JUMAAT 3 MEI 2024

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

TERENGGANU • KEDAH • PAHANG

TELUS & TULUS • TIDAK DICENGKAM OLEH TANGAN GHAIB • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Sakit perut angkara kuih ketayap

Lima individu terima rawatan di hospital akibat keracunan makanan

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Lima individu daripada tiga keluarga dimasukkan ke hospital selepas mengalami gejala keracunan makanan dipercayai akibat memakan kuih ketayap dibeli mereka di Pasar Bukit Payong, Marang pada Ahad lalu.

Mengesahkan perkara itu, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri, Datuk Dr Kasemani Embong berkata, Pejabat

Kesihatan Daerah (PKD) Marang menerima notifikasi awal kes pada 28 April lalu di mana pesakit dikatakan mempunyai sejarah memakan kuih itu pada hari sama.

Menurutnya, sehingga jam 5 petang Isnin lalu, seramai tujuh individu tampil memaklumkan membeli kuih ketayap dari kedai sama.

"Daripada tujuh individu, lima mempunyai gejala cirit-birit dan muntah. Empat daripadanya mendapatkan rawatan di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) dan seorang pesakit diberikan rawatan pesakit luar di Klinik Kesihatan Bukit Payong.

"Semua pesakit dirawat di hospital dalam keadaan stabil dan menunjukkan



DR KASEMANI

perkembangan positif.

"Tiga kes dibenarkan keluar pada Isnin manakala seorang lagi dibenarkan pulang pada Rabu sementara pesakit dirawat sebagai pesakit luar pulih sepenuhnya," katanya dalam sidang akhbar di sini pada Khamis.

Dalam perkembangan sama, Dr Kasemani berkata, pihaknya masih meneruskan siasatan lanjut bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian tersebut yang dikhuatiri turut berisiko kepada individu lain.

"Kita sudah ambil beberapa sampel makanan dan bahan digunakan," ujarnya. Baru-baru ini, tular video menunjukkan seorang lelaki menghantar ahli keluarganya menaiki ambulans ke hospital dipercayai akibat keracunan makanan.



Video tular di media sosial menunjukkan seorang lelaki menghantar ahli keluarganya menaiki ambulans ke hospital dipercayai akibat keracunan makanan.

GUANE
GAMOK
WEH!

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

Kerajaan minta AstraZeneca beri penjelasan kesan vaksin

Tarik pendaftaran vaksin AZ jika perlu

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
athirismail@mediamulla.com.my

HULU SELANGOR: Kerajaan meminta pengeluar vaksin Covid-19, AstraZeneca, untuk memberikan penjelasan terperinci mengenai kesan sampingan daripada vaksin itu yang diakui menyebabkan sindrom Thrombosis with Thrombocytopenia Syndrome (TTS).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, AstraZeneca perlu bersikap telus dan menjelaskan bukan sahaja kepada rakyat di negara ini tetapi juga penerimanya di seluruh dunia.

Menurutnya, penjelasan tersebut perlu untuk mengelakkan kebimbangan dalam kalangan penerima walaupun kadar risiko yang dilaporkan berada pada tahap 0.88 daripada sejuta dos yang diberikan.

"Semua tahu ada kesan sampingan dan kita dalam Kementerian pun ada garis pan-



DZULKEFLY Ahmad melawat seorang penduduk Orang Asli yang menjalani pemeriksaan gigi di Kampung Orang Asli Tun Abdul Razak, Kuala Kubu Bharu, semalam. — UTUSAN/M. FIRDAUS M. JOHARI

duan, kita pantau apa pun simptom yang ada, kalau ada kaitan langsung kita tunggu

macam mana.

"Kita boleh minta wakil AstraZeneca untuk membuat

penjelasan yang lebih teliti dan saya mahu lebih telus kepada semua rakyat dan media, mereka mesti bertanggungjawab, tiada apa yang hendak kita sembunyikan begitu juga mereka," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* melaporkan AstraZeneca mengakui buat kali pertama dalam dokumen mahkamah bahawa vaksin Covid-19 boleh menyebabkan kesan sampingan yang jarang berlaku.

Gergasi farmaseutikal itu didakwa vaksin yang dibangunkan bersama Universiti Oxford menyebabkan kematian dan kecederaan serius dalam berpuh-puluh kes.

Mereka mengakui dalam dokumen undang-undang yang dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi pada Februari lalu bahawa, vaksin Covid-19 keluarannya dalam kes yang sangat jarang berlaku boleh menyebabkan sindrom TTS.

PETALING JAYA: Kerajaan perlu memantau perkembangan kes tuntutan terhadap firma farmaseutikal, AstraZeneca (AZ) di luar negara dan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya vaksin Covid-19 syarikat itu disahkan mempunyai kesan sampingan.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), Amrabi Buang berkata, langkah itu termasuk menarik balik pendaftaran bersyarat bagi vaksin berkenaan.

Beliau bagaimanapun berkata, penarikan balik itu tetap perlu diputuskan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD).

"Apa-apa ubat memang ada kesan sampingan dan ia wajib dilaporkan kepada PKBD.

"Jadi, sekarang ini tunggu apa keputusan mahkamah. Panel peguam kedua-dua belah pihak akan kemuka hujah, jadi biar mahkamah putuskan.

"Jangan kata kalau berlaku di luar, di sini pun ada sama. Perlu tahu yang dua tubuh badan tidak semestinya sama. Ia boleh jadi ubat kepada satu orang, tetapi ubat sama boleh jadi racun untuk orang lain sebab keadaan badan berbeza," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sebelum ini, portal antarabangsa melaporkan, AZ dalam dokumen mahkamah saman mengakui vaksin Covid-19 mereka boleh menyebabkan kesan sampingan yang jarang berlaku.

Syarikat farmaseutikal itu menghadapi tuntutan saman atas dakwaan vaksin dibangunkan mereka bersama Universiti Oxford boleh menyebabkan kematian dan kecederaan serius dalam puluhan kes.

Sebanyak 51 kes dikemukakan di Mahkamah Tinggi setakat ini dengan mangsa menuntut ganti rugi dianggarkan bernilai sehingga £100 juta atau RM512 juta.

Mengulas lanjut, Amrabi berkata, orang ramai boleh membuat laporan sekiranya mempunyai komplikasi yang dipercayai disebabkan vaksin.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 34
RUANGAN : DALAM NEGERI

Keracunan: JKNT ambil sampel makanan

KUALA TERENGGANU: Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu telah mengambil beberapa sampel makanan dari sebuah kedai di Pasar Bukit Payung, Marang yang dikatakan menjadi punca lima individu mengalami keracunan makanan, Sabtu lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT), Datuk Dr. Kasemani Embong, berkata, turut diambil adalah sampel pengendali dan bahan makanan di premis terbabit.

Menurut Kasemani, ia bagi membantu siasatan terperinci JKNT untuk mengenalpasti punca sebenar kejadian sebelum tindakan selanjutnya diambil.

Beliau menjelaskan, Pejabat Kesihatan Daerah Marang pada 28 April lalu telah menerima kes pesakit yang mempunyai sejarah membeli dan memakan kuih ketayap di Pasar Bukit Payung pada hari sama.

"Seramai tujuh orang membeli kuih tersebut di gerai yang sama dengan lima daripada mereka telah menunjukkan gejala cirit-birit dan muntah disyaki mengalami keracunan makanan.

"Empat mangsa yang dirawat di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) dan seorang di Klinik Kesihatan



KASEMANI EMBONG

Bukit Payung dalam keadaan stabil dan sudah dibenarkan keluar wad.

"JKNT sedang meneruskan siasatan dengan mengambil beberapa sampel makanan, sampel pekedai dan sampel bahan-bahan digunakan di premis itu," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Terdahulu, tular di TikTok dan Facebook, seorang pengguna yang mendakwa isterinya berusia 31 tahun serta dua anak mereka berumur dua dan enam tahun, mengalami muntah dan cirit-birit.

Lelaki itu mendakwa, ahli keluarganya menunjukkan simptom mengalami keracunan makanan setelah menjamah sejenis kuih yang dibeli dari sebuah gerai di Pasar Bukit Payung.

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : NATION

8 Nation

THE STAR, FRIDAY 3 MAY 2024

Seeking answers on side effects

MOH wants AstraZeneca's transparency on adverse reactions to vaccine

HULU SELANGOR: Clarification will be sought from pharmaceutical giant AstraZeneca on the adverse responses from its Covid-19 vaccine amid growing public concerns over the safety of the jab, says Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

He said the company should address the safety concerns by providing an explanation to Malaysia and the rest of the world, although the risk of side effects from the jab is relatively low at 0.88 out of a million vaccine doses administered.

"We ask AstraZeneca representatives to give a more thorough explanation ... I would prefer to be more transparent with people and the media," he said when met at a health screening programme at Kampung Orang Asli Tun Abdul Razak in Kuala Kubu Baru here yesterday.

"They (AstraZeneca) must be responsible.

"There is nothing for us to hide. The same is true for them," he said, Bernama reported.



All is well: Dzulkefly (far left) observing activities during the health screening programme organised by the Hulu Selangor District's Health Office in conjunction with the Kuala Kubu Baharu by-election. — Bernama

The firm is facing lawsuits over claims that the vaccine could cause death or serious injury, with a total of 51 cases filed in the

UK High Court and claims totalling almost £100mil (RM595mil).

Dzulkefly said his ministry will continue to monitor the develop-

ments and deal with the matter based on evidence of symptoms.

He stated that his ministry will treat affected individuals accord-

ing to clinical guidelines.

On another note, he announced the posting of an emergency medicine specialist to Hospital Kuala Kubu Baru this month to alleviate the overcrowding at Hospital Selayang.

An internal medicine specialist was posted to the hospital earlier in January.

"Today, I discovered that the increase (in patients at Hospital KKB) is greater than the pre-Covid-19 pandemic period, indicating that people here have confidence in the hospital's specialists.

"They don't have to travel 45km back and forth to get treatment at Hospital Selayang.

"I will continue to make improvements to the KKB Hospital.

"I want to stress that this is not being done due to the by-election; it has been (long) planned," he said.

Polling for the Kuala Kubu Baharu by-election will take place on May 11. Early voting is scheduled to be held on May 7.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NATION

Over 60% of kids may be obese by 2035

Boys at greater risk of having high BMI, study finds

By **DIYANA PFORDTEN**
diyana.pfordten@thestar.com.my

PETALING JAYA: When it comes to Malaysia's growing obesity problem, children – especially boys – are the most at risk.

Available statistics show that six out of 10 children in the country are at risk of being overweight or obese by 2035, with boys facing a higher prevalence of obesity.

According to Malaysia's National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2022, adolescent males have a higher prevalence of obesity at 17.1%, compared with 11.4% for females.

Younger adolescents may be at a higher risk, as there is a higher prevalence of obesity among students in Form One (17%), followed by Form Two (15.3%) and Form Three (13.6%).

This problem may worsen in the future.

According to the World Obesity Atlas 2024 report, it is estimated that a total of 4.99 million or 65% of Malaysia's children will have a high body mass index (BMI) in 2035, compared with an estimated 2.85 million or 36% in 2020.

This is a projected 3.8% annual growth rate.

Meanwhile, 20 million adults in the country are expected to have a high BMI by 2035, with an annual growth of 3.7%.

In most South-East Asian countries, the growth rate in the projected number of children having obesity or being overweight surpasses adults.

Health experts warn that obese children risk becoming

obese adults.

Currently, half of Malaysian adults are overweight, while two out of 10 adults are obese.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) health economics and public health specialist Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said research shows that boys have a greater prevalence for obesity among children aged five to 19 in most high and upper middle-income countries worldwide.

"This usually starts with excessive feeding since young and a typical family pattern of excess food consumption," she said.

As mentioned above, according to the NHMS report, adolescent boys have a higher prevalence of obesity at 17.1%, compared with 11.4% among their female counterparts.

Meanwhile, females have a slightly higher prevalence of being overweight, at 16.5% compared with males (16%).

Increased access to processed food and a diet high in meat and calorie-dense food, coupled with the lack of physical activity, are among the factors leading to obesity.

Prof Sharifa Ezat said differences in the obesity prevalence between girls and boys may be driven by gender-related influences.

These include societal ideals about body weight and parental feeding practices, as well as sex-related influences, such as body composition and hormones.

"Boys who are obese may have early puberty and testicular enlargement occurring signifi-

Scan the QR code here to view the interactive story on **TheStar.com.my**

cantly earlier compared with their normal weight peers.

"Girls who are consistently overweight or obese have the highest risk of early breast development, while girls that are transiently overweight or obese have the highest risk for early menses," she added.

She said children with obesity or who are overweight have a higher risk of high blood pressure, high cholesterol, fatty liver, Type 2 diabetes, obstructive sleep apnoea, certain cancers and mental health issues such as increased stress.

Based on the World Obesity Atlas 2024, among the early signs of non-communicable diseases attributed to a high BMI among children are high blood pressure, hyperglycaemia and low high-density lipoprotein (HDL) cholesterol.

HDL cholesterol is known as "good" cholesterol because it helps remove other forms of cholesterol from the bloodstream.


In 2035, an estimated 10.6% or 528,584 children in Malaysia with high BMI are expected to have low HDL cholesterol.

Meanwhile, 7% or 526,068 children with high BMI will be at risk of developing high blood pressure.

In addition, 3.6% or 180,749 children are at risk of suffering hyperglycaemia.

Globally, 10% of deaths were

Prevalence of children with high BMI in 2020 vs 2035



due to the consequence of obesity, which was almost double the share in 1990, according to Our World in Data.

In Malaysia, 9.7% of deaths are due to obesity as an attributing risk factor, with a growth of 2.9 points from 1990.

This includes ischaemic heart disease, stroke, cancer (neoplasms) and diabetes mellitus.

Malaysian Medical Association president Dr Azizan Abdul Aziz said adolescent girls may have a lower prevalence of obesity due to an earlier female pubertal growth spurt.

"Boys and girls are the same in their height gain or velocity prior to the onset of puberty but girls grow faster once they reach puberty, which can happen as early as the age of eight.

"Height gain for girls during puberty may have some positive impact on the BMI.

"This may explain the prevalence of obesity among those

between the ages of 10 and 19," she said.

She said obesity is thought to be the main cause for early puberty in girls, apart from exposure to endocrine disruptors.

"The consequence is that they are maturing earlier with advanced bone age.

"They could also start their period earlier.

"Some could have compromised adult height," she said.

UKM's Prof Sharifa Ezat said early intervention is needed to prevent obesity among children from progressing, which could lead them to carry serious health risks into adulthood.

"Body weight screening can be done at schools where interventions can then be done.

"We also need to promote healthy eating among children," she added.

She said schools should encourage children to exercise and be active in sports.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NATION

Five heat-related cases recorded in Terengganu

KUALA TERENGGANU: Three cases of heatstroke and two of heat exhaustion have been reported in Terengganu as of April this year.

Terengganu Health Department (JKNT) director Datuk Dr Kasemani Embong said the cases involved five individuals from high-risk groups, comprising schoolchildren, East Coast Rail Link (ECRL) workers, military personnel and senior citizens.

She said so far no deaths were reported due to the hot weather, and various efforts were being made to create awareness of the dangers of the hot weather and heatstroke.

"According to the Malaysian Meteorological Department, the districts of Besut, Setiu, Dungun

and Kemaman districts are at Level 1, which is the alert level experienced for maximum temperatures of between 35°C and 37°C for three consecutive days, while the Hulu Terengganu, Marang, Kuala Terengganu and Kuala Nerus districts recorded daily maximum temperatures of between 32°C and 34°C.

"JKNT advises the public, especially those in high-risk groups such as the elderly, students, pregnant women, babies, patients with chronic illnesses, and workers on duty outdoors, to always be vigilant and take appropriate health measures," she said when met at the JKNT's Aidilfitri get-together here yesterday.

In another development, Dr Kasemani said four patients who

were hospitalised due to food poisoning on April 28 were discharged after making a full recovery.

However, the JKNT is still investigating the cause of the incident and whether there were also others who had food poisoning.

"Five patients who experienced diarrhoea and vomiting are suspected to have eaten *kuih ketayap* bought at Pasar Bukit Payong (in Marang)."

Meanwhile, the Air Pollutant Index (API) recorded at 11am yesterday showed unhealthy air quality in Rompin, Pahang, due to peat fires in the area.

The Environment Department (DOE) director-general Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar said 35 areas nationwide reported

good air quality, while 29 areas reported average air quality.

He also said the volcanic eruption of Indonesia's Mount Ruang in North Sulawesi on April 30 has not affected the air quality in Malaysia.

Meanwhile, the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) issued thunderstorm warnings for heavy rain and strong winds for seven states and all three federal territories of Kuala Lumpur, Putrajaya and Labuan, reports HO JIA WEN.

The affected states are Perak, Selangor, Pahang, Negri Sembilan, Johor, Sarawak and Sabah.

Areas hit by storms are Larut, Matang and Selama; Kuala Kangsar, Kinta, Kampar, Batang Padang and Muallim in Perak;

Cameron Highlands, Bentong, Pekan and Rompin in Pahang; Kuala Selangor, Hulu Selangor, Klang, Gombak, Petaling, Hulu Langat and Sepang in Selangor; Jelebu, Seremban, Kuala Pilah, Rembau and Tampin in Negri Sembilan; as well as Tangkak, Segamat, Muar, Batu Pahat, Kluang, Mersing, Kulai and Kota Tinggi in Johor.

The affected areas in Sarawak are Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibul, Kapit, Miri and Limbang while in Sabah, the areas are Sipitang, Tenom, Kuala Penyu, Beaufort, Keningau, Tambunan, Papar, Putatan, Penampang, Kota Kinabalu, Ranau and Sandakan.

Met Malaysia issued the statement at 3.55pm yesterday.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NATIONAL

**PUBLIC SERVICE**

... Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad at a health screening event yesterday organised by the Hulu Selangor district health department for the Orang Asli community in conjunction with the Kuala Kubu Bharu by-election. -BERNAMAPIC